



Lambakan stok hartanah tidak membimbangkan

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR - Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) optimis terhadap pasaran hartanah tempatan meskipun negara kini dibebani dengan lambakan stok hartanah melibatkan kediaman, ruang pejabat, pusat komersial dan industri.

Presidennya, Datuk Soam Heng Choon berkata, situasi tersebut masih lagi terkawal dan tidak memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi semasa.

"Kami berkeyakinan terhadap perkembangan ekonomi pada pasca Covid-19 dan juga menjelang tahun hadapan yang dijangka beransur pulih.

"Sekali gus, pemulihan ini akan membantu meningkatkan kuasa beli rakyat," katanya kepada *Kosmo!* ketika dihubungi di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut berhubung isu hartanah yang melibatkan lebihan penawaran ruang pejabat, Heng Choon menerangkan, kekosongan tersebut sebelum perintah kawalan pergerakan (PKP) pada bulan Mac lalu



LEBIHAN penawaran ruang runcit di pusat komersial tidak memberi impak besar kepada industri hartanah tempatan. - GAMBAR HIASAN

adalah sekitar 24 hingga 25 peratus.

"Kami jangkakan angka tersebut kini mencecah lebih daripada 28 peratus.

"Kita pernah menyaksikan kekosongan sehingga lebih daripada 30 peratus sekitar tahun

2000. Jadi ini bukan angka yang membimbangkan," katanya.

Data terkini daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia menunjukkan sebanyak 55,999 unit hartanah masih belum dijual dengan

melibatkan nilai RM41.59 bilion pada suku pertama tahun ini.

Angka ini sedikit meningkat berbanding suku pertama 2019, apabila terdapat 54,078 unit tidak terjual dengan nilai keseluruhan RM37.22 bilion.

Statistik pertambahan hartanah tidak terjual tersebut disumbangkan daripada segmen kediaman pejabat (Small Office, Home Office), pangsapuri perkhidmatan, kedai dan industri.

Selain itu, Heng Choon berkata, meskipun dilihat banyak peniaga runcit yang menamatkan tempoh penyewaan tetapi mungkin bersifat sementara.

"Pastinya ada peniaga baharu yang akan menggantikan mereka," jelasnya.

Tambah beliau, pengukuhan keyakinan terhadap industri hartanah pada pasca Covid-19 turut bergantung kepada faktor insentif cukai dan pengenalan semula Kempen Pemilikan Rumah oleh kerajaan.

"Terdapat sambutan menggalakkan daripada pembeli, namun pada akhirnya tertakluk kepada kemampuan mereka dan sama ada mereka layak mendapat pinjaman bank," ujarnya.